



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 (49)

Tarikh : 26 Mei 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURIKULUM BERSEPADU DINI MENENGAH
ATAS DAN KURIKULUM TINGKATAN ENAM DINI**

TUJUAN

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah selaras dengan pindaan Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak al-Azhar al-Syarif Mesir berkaitan pelaksanaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang telah ditandatangani pada 6 Jun 2022. Berdasarkan perjanjian tersebut pihak al-Azhar al-Syarif Mesir telah menetapkan syarat supaya murid mengikuti tiga tahun pengajian menggunakan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif Mesir sebelum menduduki peperiksaan STAM.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 20 April 2022 telah meluluskan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini yang disesuaikan dengan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif Mesir.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2023 bertarikh 23 Mac 2023 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

PELAKSANAAN

5. Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan kategori sekolah yang berikut:
 - 5.1 Sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang melaksanakan KBD dan/atau Tingkatan Enam Dini; dan
 - 5.2 Sekolah/Institusi pendidikan agama yang berdaftar dengan KPM atau pihak berkuasa agama negeri.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini dirujuk dan dipatuhi oleh semua sekolah/institusi pendidikan agama yang terlibat.

TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan agama bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menasarkan amanah,


(DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KURIKULUM BERSEPADU DINI MENENGAH ATAS
DAN KURIKULUM TINGKATAN ENAM DINI**

SENARAI KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	2
2.	Latar Belakang	2
3.	Tujuan	3
4.	Objektif	5
5.	Tafsiran	5
6.	Konsep	6
7.	Pakej Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu.....	7
8.	Pengoperasian	9
9.	Syarat Mengikuti KBD Menengah Atas.....	9
10.	Syarat Mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini	10
11.	Pelaksanaan Daurah Kitab	11
12.	Syarat Kelayakan Pendaftaran Calon bagi Peperiksaan STAM	13
13.	Syarat Pensijilan STAM	14
14.	Kurikulum	15
15.	Kokurikulum.....	15
16.	Latihan Guru.....	15
17.	Skim Pinjaman Buku Teks	16
18.	Bantuan Geran Per Kapita Mata Pelajaran	16
19.	Pentaksiran dan Pelaporan.....	16
20.	Peranan dan Tanggungjawab.....	18
21.	Penutup	21

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KURIKULUM BERSEPADU DINI MENENGAH ATAS DAN
KURIKULUM TINGKATAN ENAM DINI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. Pendahuluan

- 1.1 Garis panduan ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini bagi membolehkan murid menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
- 1.2 Aspek utama yang terkandung dalam garis panduan ini berkaitan perincian pengoperasian tempoh tiga tahun pengajian STAM.
- 1.3 Garis panduan ini adalah selaras dengan pindaan Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak al-Azhar al-Syarif berkaitan pelaksanaan STAM.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pindaan perjanjian persefahaman berkaitan STAM telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KPM dengan pihak al-Azhar al-Syarif di Pejabat Masyikhah al-Azhar, Kaherah Mesir pada 6 Jun 2022.

- 2.2 Pindaan perjanjian persefahaman tersebut melibatkan beberapa perkara seperti penetapan tiga tahun pengajian STAM, pendokumentasian kurikulum dan menyediakan latihan bagi meningkatkan kompetensi guru dalam bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, dasar pengajian STAM daripada satu tahun kepada tiga tahun perlu dilaksanakan dengan menggunakan kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 20 April 2022 telah meluluskan kertas cadangan Semakan Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini yang disesuaikan dengan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar Mesir untuk dilaksanakan bermula pada tahun 2023.
- 2.4 KPM telah melaksanakan beberapa sesi mesyuarat, perbincangan, libat urus dan siri simposium bersama-sama agensi berkepentingan serta pemegang taruh dalam memberi penjelasan berkaitan dasar pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

3. Tujuan

- 3.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

- 3.2 Garis panduan ini disediakan untuk rujukan kepada pihak yang berikut:
- i. bahagian di KPM;
 - ii. jabatan pendidikan negeri (JPN);
 - iii. pejabat pendidikan daerah (PPD);
 - iv. pihak berkuasa agama negeri (PBAN)/yayasan/agensi terlibat;
 - v. sekolah kerajaan;
 - vi. sekolah agama bantuan kerajaan (SABK);
 - vii. sekolah agama swasta yang berdaftar dengan KPM; dan
 - viii. sekolah/institusi pendidikan agama yang berdaftar dengan PBAN.
- 3.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan, peraturan dan garis panduan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 3.4 Garis panduan ini juga terpakai kepada sekolah menengah agama negeri (SMAN), sekolah menengah agama rakyat (SMAR), sekolah agama swasta yang berdaftar dengan KPM dan sekolah/institusi pendidikan agama yang berdaftar dengan PBAN yang melaksanakan KBD Menengah Atas atau Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

4. Objektif

Objektif pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah seperti yang berikut:

- i. menyediakan murid yang berkualiti dalam aspek penguasaan kemahiran bahasa arab dan kandungan pembelajaran; dan
- ii. memastikan murid bersedia mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini untuk mengambil peperiksaan STAM.

5. Tafsiran

Tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- 5.1 “**Kurikulum Bersepadu Dini**” bermaksud penggabungan kurikulum dini/azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana.
- 5.2 “**Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas**” bermaksud kurikulum yang dilaksanakan pada peringkat menengah atas yang telah disesuaikan dengan Kurikulum Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif, Mesir.
- 5.3 “**Kurikulum Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar**” bermaksud kurikulum yang digunakan oleh Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif, Mesir.

- 5.4 “**Kurikulum Tingkatan Enam Dini**” bermaksud kurikulum yang dilaksanakan pada peringkat Tingkatan Enam Dini dengan menggunakan Kurikulum Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif, Mesir.
- 5.5 “**Sijil Tinggi Agama Malaysia**” bermaksud peperiksaan pusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama al-Azhar al-Syarif, Republik Arab Mesir setelah termeterainya Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan pada tahun 1999. Pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran STAM adalah berpandukan kepada kurikulum serta buku teks yang digunakan di Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar, Mesir dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar

6. Konsep

- 6.1 Pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah bagi memenuhi keperluan tempoh tiga tahun pengajian STAM yang ditetapkan oleh pihak al-Azhar.
- 6.2 Mata pelajaran KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini dijajarkan mengikut pemeringkatan pelaksanaan Kurikulum Maahad al-Bu’uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif seperti yang berikut:

- i. mata pelajaran Tingkatan 4 akan menggunakan buku *saf awwal thanawi* (tahun pertama menengah atas);
- ii. mata pelajaran Tingkatan 5 akan menggunakan buku *saf thani thanawi* (tahun kedua menengah atas); dan
- iii. mata pelajaran Tingkatan Enam Dini akan menggunakan buku *saf thalith thanawi* (tahun ketiga menengah atas).

7. Pakej Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu

- 7.1 Pakej mata pelajaran KBD Menengah Atas merujuk kepada pakej mata pelajaran sedia ada, iaitu tiga pakej yang ditawarkan mengikut aliran seperti yang berikut:
 - i. aliran Dini Agama;
 - ii. aliran Dini Sains; dan
 - iii. aliran Dini Sastera.
- 7.2 Perincian peruntukan waktu mata pelajaran akademik dan mata pelajaran KBD Menengah Atas bagi setiap pakej seperti yang terkandung dalam surat pekeliling ikhtisas (SPI) yang berikut:
 - i. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) secara Berperingkat Mulai 2017; dan
 - ii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020.

7.3 Mata pelajaran Kurikulum Tingkatan Enam Dini yang ditawarkan adalah sama dengan mata pelajaran yang diuji dalam STAM dengan tambahan mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk Malaysian University English Test (MUET). Perincian peruntukan waktu mata pelajaran Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah seperti jadual yang berikut:

BIL.	MATA PELAJARAN	BIDANG	JUMLAH WAKTU SEMINGGU
1	Nahu dan Sarf	Bahasa Arab	7
2	Insya' dan Mutalaah		8
3	Adab dan Nusus		4
4	'Arudh dan Qafiyah		2
5	Balaghah		3
6	Hifz al-Quran dan Tajwid	Usuluddin	2
7	Tauhid dan Mantiq		4
8	Tafsir dan Ulumuhu		4
9	Fiqh	Syariah	5
10	Hadith dan Mustolah		4
11	MUET	Bahasa Inggeris	8
	JUMLAH KESELURUHAN		51

Peruntukan satu waktu bersamaan 40 minit

8. Pengoperasian

Pengoperasian untuk pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah seperti yang berikut:

- 8.1 Bagi memastikan murid mengikuti tiga tahun pengajian dengan menggunakan kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif Mesir, pengajian terbahagi kepada dua peringkat, iaitu:
 - i. dua tahun pada peringkat menengah atas; dan
 - ii. setahun pada peringkat Tingkatan Enam Dini.
- 8.2 murid yang mengikuti aliran KBD Menengah Atas akan ditaksir dalam peperiksaan SPM dan murid yang mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini akan ditaksir dalam peperiksaan STAM.
- 8.3 KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini boleh dilaksanakan di institusi yang berikut:
 - i. sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang melaksanakan KBD dan/atau Kurikulum Tingkatan Enam Dini; dan
 - ii. sekolah/institusi pendidikan agama yang berdaftar dengan KPM atau PBAN.

9. Syarat Mengikuti KBD Menengah Atas

- 9.1 Syarat murid untuk mengikuti KBD Menengah Atas adalah seperti yang berikut:

- i. murid aliran KBD pada peringkat menengah rendah; atau
 - ii. murid aliran agama/tahfiz pada peringkat menengah rendah di semua sekolah.
- 9.2 Bagi murid aliran agama/tahfiz yang berhasrat untuk menyambung pengajian dalam aliran KBD Menengah Atas di SABK, permohonan kemasukan adalah tertakluk kepada syarat lulus ujian saringan yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

10. Syarat Mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini

- 10.1 Syarat murid untuk mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah seperti yang berikut:
- i. telah mengikuti satu daripada pakej KBD pada peringkat menengah atas; atau
 - ii. telah mengikuti Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif sekurang-kurangnya dua tahun di sekolah/institusi yang berdaftar dengan KPM atau PBAN. Murid perlu mengemukakan dokumen/penyataan kepada pihak sekolah yang membuktikan telah mengikuti dua tahun pengajian.
- 10.2 Permohonan murid bagi mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini di SABK juga tertakluk dengan syarat tambahan yang dikeluarkan oleh pihak LPS.

11. Pelaksanaan Daurah Kitab

Pelaksanaan daurah kitab Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif adalah bertujuan mendedahkan kandungan mata pelajaran *Manahij al-Ulum al-Islamiah* dan *al-Adab wa al-Balaghah* kepada murid lepasan SPM aliran Dini Sains dan Dini Sastera yang tidak mempelajarinya semasa Tingkatan 4 dan 5. Pelaksanaannya adalah seperti yang berikut:

- 11.1 **Sasaran:** murid lepasan SPM aliran Dini Sains dan Dini Sastera semasa berada di Tingkatan Enam Dini.
- 11.2 **Mata pelajaran:** *Manahij al-Ulum al-Islamiah* dan *al-Adab wa al-Balaghah* peringkat menengah atas.
- 11.3 **Medium pelaksanaan:** mengikut kesesuaian pihak sekolah dan keselesaan murid sama ada secara dalam talian atau bersemuka.
- 11.4 **Waktu pelaksanaan:** mengikut amalan dan kebiasaan sekolah. Sebagai contoh yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:
 - i. tempoh antara waktu Maghrib dan Isyak;
 - ii. usrah atau perhimpunan hujung minggu;
 - iii. kelas tambahan selepas waktu persekolahan; atau
 - iv. program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

11.5 Tenaga Pengajar: pihak sekolah boleh menggunakan khidmat guru sedia ada yang mengajar dua mata pelajaran tersebut atau pihak luar yang mempunyai kemahiran mengajar kitab berkaitan.

11.6 Nama kitab:

- i. تيسير فتح المبدي بشرح مختصر الزبيدي للصف الأول الثانوي sebuah kitab bagi mata pelajaran *Manahij al-Ulum al-Islamiah* Tingkatan 4;
- ii. تاريخ الأدب العربي ونصوصه للصف الأول الثانوي
- iii. البلاغة العربية للصف الأول الثانوي
Dua buah kitab bagi mata pelajaran *al-Adab wa al-Balaghah* Tingkatan 4;
- iv. تيسير فتح المبدي بشرح مختصر الزبيدي للصف الثاني الثانوي
- v. تيسير شرح الملوى على السلم في المنطق للصف الأول الثانوي
Dua buah kitab bagi mata pelajaran *Manahij al-Ulum al-Islamiah* Tingkatan 5;
- vi. تاريخ الأدب العربي ونصوصه للصف الثاني الثانوي
- vii. البلاغة العربية للصف الثاني الثانوي
Dua buah kitab bagi mata pelajaran *al-Adab wa al-Balaghah* Tingkatan 5.

11.7 Perakuan: murid akan diberikan sijil penyertaan daripada pihak sekolah.

12. Syarat Kelayakan Pendaftaran Calon bagi Peperiksaan STAM

Syarat kelayakan calon bagi menduduki peperiksaan STAM terbahagi kepada dua kategori calon seperti yang berikut:

12.1 Calon Sekolah

- i. murid Tingkatan 6 di sekolah yang berdaftar dengan KPM atau agensi kerajaan seperti sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan (SBK), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah di bawah agensi kerajaan, sekolah menengah agama rakyat (SMAR), sekolah swasta dan calon yang diberi pengecualian daripada pihak KPM; dan
- ii. telah diperakui mengikuti tiga tahun Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Azhar al-Syarif yang dipersetujui antara pihak KPM dengan pihak al-Azhar al-Syarif; Kaherah Mesir; dan
- iii. pernah menduduki peperiksaan SPM atau telah mencapai umur 18 tahun pada 1 Januari tahun pendaftaran peperiksaan STAM.

12.2 Calon persendirian

- i. telah diperakui mengikuti tiga tahun Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif yang dipersetujui antara pihak KPM dengan pihak al-Azhar al-Syarif, Kaherah Mesir; dan
- ii. pernah menduduki peperiksaan SPM; atau
- iii. telah mencapai umur 18 tahun pada 1 Januari tahun pendaftaran peperiksaan STAM.

Syarat kelayakan calon menduduki peperiksaan STAM adalah tertakluk kepada syarat semasa yang ditetapkan oleh LP.

13. Syarat Pensijilan STAM

Syarat penganugerahan sijil STAM kepada calon yang telah menduduki peperiksaan adalah seperti yang berikut:

- 13.1 calon yang memperoleh sekurang-kurangnya peringkat *Maqbul* (lulus) dalam kesemua 10 mata pelajaran layak dianugerah sijil STAM.
- 13.2 pencapaian calon ditandakan dengan pangkat/peringkat *Mumtaz* (Cemerlang), *Jayyid Jiddan* (Sangat Baik), *Jayyid* (Baik) dan *Maqbul* (Lulus).
- 13.3 calon yang menduduki semua kertas peperiksaan dan lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran akan memperoleh penyataan keputusan.
- 13.4 calon tidak hadir sekurang-kurangnya satu mata pelajaran atau mendapat peringkat *Rasib* (gagal) dalam semua mata pelajaran akan menerima slip keputusan.

14. Kurikulum

- 14.1 Pelaksanaan KBD Menengah Atas menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh KPM.
- 14.2 Bagi institusi yang tidak menggunakan KBD Menengah Atas, hendaklah menggunakan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif yang telah diperaku oleh PBAN.
- 14.3 Kurikulum Tingkatan Enam Dini adalah berdasarkan dokumen kurikulum yang dibangunkan oleh KPM melibatkan 10 mata pelajaran yang diuji dalam peperiksaan STAM.

15. Kokurikulum

Bagi memastikan tiga kemahiran utama yang diterapkan dalam pendidikan Tingkatan 6, iaitu kemahiran kognitif, kemahiran manipulatif dan kemahiran insaniah dapat dicapai, semua murid dikehendaki terlibat aktif dalam kokurikulum seperti yang telah ditetapkan oleh KPM.

16. Latihan Guru

Bagi memastikan guru opsyen Dini menguasai bahasa Arab dan kandungan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif, latihan berterusan perlu diadakan seperti yang berikut:

- i. kursus pedagogi dan kursus pendedahan kandungan buku Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif; dan
- ii. latihan kompetensi Bahasa Arab dengan kerjasama pihak al-Azhar al-Syarif.

17. Skim Pinjaman Buku Teks

Pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini menggunakan buku teks yang dicetak dan dibekalkan oleh Bahagian Sumber Teknologi dan Pendidikan (BSTP). Cetakan buku teks tersebut adalah berdasarkan buku teks Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif.

18. Bantuan Geran Per Kapita Mata Pelajaran

Mata pelajaran KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini diberi bantuan geran per kapita (PCG) mata pelajaran dalam Kurikulum Kebangsaan. Kadar PCG bagi mata pelajaran tersebut boleh dirujuk pada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021: Pengurusan Kewangan Bagi Peruntukan Bantuan Persekutuan Umum Kementerian Pendidikan Malaysia.

19. Pentaksiran dan Pelaporan

- 19.1 Semua murid yang mengikuti KBD termasuk KBD Menengah Atas hendaklah melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang terdiri daripada komponen yang berikut:

- i. Pentaksiran Pusat;
 - ii. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
 - iii. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK); dan
 - iv. Pentaksiran Psikometrik (PPsi).
- 19.2 Semua murid yang mengikuti KBD Menengah Atas akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
- 19.3 Murid yang mengikuti Kurikulum Tingkatan Enam Dini dan memenuhi syarat yang ditetapkan, dibenarkan menduduki peperiksaan STAM.
- 19.4 Calon yang memperoleh sijil STAM dan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), boleh memohon untuk menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar atau universiti tempatan awam/swasta.
- 19.5 Murid juga perlu menjalani *Imtihan Tahdid Mustawa* (Ujian Penentuan Tahap Penguasaan Bahasa Arab) yang ditetapkan oleh pihak al-Azhar al-Syarif, Mesir sebelum masuk ke Universiti al-Azhar.

20. Peranan dan Tanggungjawab

20.1 BPI bertanggungjawab untuk:

- i. menggubal dan mengesan dasar pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini;
- ii. membangun dokumen kurikulum KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini;
- iii. menyebar dan mengesan pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini;
- iv. memberi khidmat nasihat, merancang dan mengawal program peningkatan kecemerlangan;
- v. menyediakan unjuran keperluan dan agihan guru Dini di sekolah yang melaksanakan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini; dan
- vi. menyelaras latihan guru Dini atau daurah bagi pendedahan kandungan dan metodologi pengajaran KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

20.2 Jemaah Nazir bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan institusi pendidikan dan perkara yang berhubungan dengan pengajaran dan kaedah pengajaran selaras dasar yang sedang berkuat kuasa.

20.3 BSTP bertanggungjawab untuk membekalkan buku teks berdasarkan keperluan murid di sekolah KPM yang melaksanakan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini.

20.4 LP bertanggungjawab untuk:

- i. menyediakan garis panduan pengurusan peperiksaan dan pentaksiran dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi oleh pihak sekolah; dan
- ii. mengendalikan peperiksaan SPM dan STAM.

20.5 Bahagian Pendidikan Swasta bertanggungjawab untuk memantau dasar pelaksanaan dan pengoperasian KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

20.6 JPN bertanggungjawab untuk:

- i. memantau pelaksanaan dan pengoperasian KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah; dan
- ii. memastikan sekolah yang melaksanakan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini mematuhi garis panduan pelaksanaan yang ditetapkan.

20.7 PPD bertanggungjawab untuk membantu:

- i. memantau pelaksanaan dan pengoperasian KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah; dan
- ii. memastikan sekolah yang melaksanakan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini mematuhi garis panduan pelaksanaan yang ditetapkan.

20.8 PBAN, yayasan atau agensi terlibat bertanggungjawab untuk:

- i. memantau pelaksanaan dan pengoperasian KBD Menengah Atas atau Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah selaras dengan garis panduan ini; dan
- ii. memastikan sekolah melaksanakan tiga tahun pengajian dengan menggunakan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Islamiah al-Azhar al-Syarif sebagai persediaan untuk menduduki STAM.

20.9 Pengetua bertanggungjawab untuk merancang dan memastikan pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah mengikut garis panduan yang ditetapkan.

20.10 Guru opsyen Dini bertanggungjawab untuk melaksanakan:

- i. aktiviti PdP mengikut jadual yang ditetapkan;
- ii. aktiviti daurah kitab yang ditetapkan oleh pihak sekolah;
- iii. bimbingan secara berterusan kepada murid; dan
- iv. arahan daripada pentadbir sekolah dari semasa ke semasa.

21. Penutup

Garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan utama untuk melaksanakan pengurusan dan pelaksanaan KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini di sekolah yang terlibat. KPM berharap dengan adanya garis panduan ini, pelaksanaan di sekolah dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.